

200 Peserta Hadiri Ceramah Industrial Revolution 4.0

Terakhir dikemaskini: Khamis, 12 Oktober 2017 10:54 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 874

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

SELASA, 19 SEPTEMBER - Hampir 200 warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan jemputan luar menyertai ceramah Industrial Revolution (IR) 4.0 yang berlangsung di Galeri Majlis, UMS hari ini.

Ceramah yang disampaikan Pengarah Strategi Perisian IBM Venture Capital Group, Deborah Magid itu membincangkan tentang revolusi industri seiring perkembangan teknologi serta impaknya kepada masyarakat dunia.

Deborah berkata, IR 4.0 bakal menyaksikan pelbagai

kemajuan termasuk kemungkinan pergerakan kereta tanpa pemandu, penggunaan *drone* yang meluas dalam pelbagai aspek seperti penghantaran pakej barangan, bantuan kecemasan dan sebagainya.

"Penggunaan robot bagi memudahkan kerja-kerja yang pada ketika ini dilakukan oleh manusia juga akan dilihat dan ia sebenarnya sudah pun bermula di peringkat awal untuk di beberapa negara tertentu," katanya.

Tambah Deborah, yang menariknya juga ialah maklumat-maklumat akan menjadi lebih mudah melalui teknologi satelit yang juga bakal mengalami revolusi.

"Sebagai contoh kita boleh melihat bencana alam yang sedang berlaku di sesebuah tempat secara *online streaming* atau mana-mana saluran yang dihubungkan satelit berkenaan secara langsung," jelas beliau.

Terdahulu, Deborah turut bersama-sama Kaunselor Perhubungan Awam Duta Amerika Syarikat, Bradley Hurst mengadakan kunjungan hormat kepada Pemangku Timbalan Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Rasid Mail yang mewakili Naib Canselor.

Hadir sama Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik, Prof. Madya Dr. Ag. Asri Ag. Ibrahim dan Pegawai-pegawai Kanan UMS.

Foto: Suzeanywati Gasinin